

Barisan kepimpinan pelajar Kolej E jelajah Brunei Darussalam

NST 16.4.16 6

BANDAR SERI BEGAWAN: Seramai 14 pelajar Kolej Kediaman E, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Delegasi Ilmiah ke Brunei Darussalam baru-baru ini.

Timbalan Pengetua kolej kediaman itu yang juga penyelaras program, Mohd Hilmey Saili berkata, program itu sebagai usaha untuk menjalinkan hubungan baik antara UMS den-

gan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

"Program bertemakan 'Jelajah Ilmu ke Brunei' juga sebagai pendedahan kepada peserta delegasi mengenai pengurusan dan penambahbaikan pengurusan kolej kediaman di dua universiti yang dilawati sekali gus mengenali budaya masyarakat Brunei," katanya ketika dihubungi.

Menurut beliau, rombongan UMS telah mendapat layanan mesra daripada pihak UBD dan UNISSA, dan turut mengadakan perkongsian idea tatacara pengurusan kolej kediaman masing-masing dalam sesi diskusi.

Hilmey berkata, ahli delegasi turut mengadakan beberapa lawatan ke tempat-tempat menarik di sekitar Brunei.

"Selain dua buah universiti itu, kami juga

melawat Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien serta Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer," katanya.

Program selama lima hari itu merupakan anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E UMS sesi 2015/2016.



DELEGASI UMS Pengurusan Hal Ehwal Pelajar.



DELEGASI Kolej Kediaman E merakamkan gambar kenangan di Universiti Brunei Darussalam.